

Pasaran IPO dijangka rancak dengan penyenaraian mega



Prospek dalam sektor infra dan penjagaan kesihatan antara fokus bursa 2026

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Aktiviti tawaran awam permulaan (IPO) di Malaysia dijangka rancak pada 2026 dengan tumpuan beberapa potensi penyenaraian bersaiz besar oleh syarikat utama sejajar jangkaan pertumbuhan ekonomi lebih baik dan pengukuhan ringgit.

Berdasarkan pendedahan prospektus dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), terdapat beberapa pendedahan membabitkan penyenaraian di Pasaran Utama Bursa Malaysia termasuk Sunway Healthcare Holdings Bhd, Chubb Insurance Malaysia Bhd, SkyeChip Bhd, MMC Port Holdings Bhd dan Loob Bhd.

Pengarah Pakar Strategi Pelaburan dan Ahli Ekonomi Negara IPP Wealth Managers Ltd, Mohd Sedek Jantan, berkata prospek IPO tahun ini dijangka lebih baik

berbanding 2025 dengan keadaan semasa memperlihatkan prestasi pasaran modal dan ekonomi yang kelihatan sejajar.

Beliau berkata, prospek IPO dijangka lebih baik lagi jika berlaku peralihan struktur iaitu kurang bergantung pada IPO skala kecil dan lebih banyak penyenaraian bernilai tinggi dan impak sistemik.

Katanya, berdasarkan penyenaraian di Bursa Malaysia setakat ini adalah kira-kira lima IPO, justeru menunjukkan momentum awal masih sederhana.

"Pasaran modal kena ada sekurang-kurangnya dua hingga tiga IPO yang boleh menjana bilion ringgit untuk muncul sebagai peneraju (bukan setakat aktif) IPO di ASEAN.

"Jika tidak, ia masih menjadi satu lagi tahun yang aktif bagi bilangan dan bukan nilai pasaran. Ini penting untuk pelabur institusi terutama pelabur institusi asing memandangkan mereka mengukur kecairan, skala dan kepayaan penanda aras," katanya kepada BH.

Mohd Sedek tidak menolak kemungkinan ada IPO mega tahun ini, namun menjelaskan, lazimnya berlaku penangguhan penyenaraian berikutan pemilik aset besar masih cenderung menetapkan penilaian pra-IPO yang tinggi, sedangkan sentimen pelabur ke-

kal berhati-hati.

Beliau berkata, ketiadaan pelabur asing utama yang kukuh mungkin menyebabkan IPO mega menjadi tidak cair selepas penyenaraian.

Dari segi sektor, Mohd Sedek berkata, fokus pasaran pada tahun lalu kebanyakannya adalah sektor produk perindustrian dan pengguna berikutan kekuatan permintaan domestik serta model perniagaan yang mudah difahami.

Sektor pengguna dan industri tetap jadi fokus

Justeru, bagi 2026, beliau berpendapat fokus masih sektor pengguna dan perindustrian, tetapi berdasarkan perbualan dalam pasaran, kemungkinan ada penyenaraian dalam sektor infra dan penjagaan kesihatan.

Sementara itu, HLIB Research menyatakan beberapa penyenaraian mega berkaitan penjagaan kesihatan dijangka pada 2026 berdasarkan laporan media dengan Sunway Healthcare disasarkan disenaraikan menjelang Mac 2026, manakala Asia OneHealthcare (dulunya Columbia Asia Healthcare) juga dilaporkan merancang IPO sebelum akhir tahun ini, dengan kedua-dua penilaian dilaporkan sekurang-kurangnya RM16 bilion dalam permodalan pasaran.

Selain hospital, ia berkata, Big Caring Group dilaporkan sedang meneroka IPO sehingga RM20 bilion pada tahun ini, manakala Qualitas Health Group juga mungkin meneruskan penyenaraian di Malaysia tetapi keterlihatannya mengenai masa dan penilaian masih terhad.

Menurutnya, laporan media

mencadangkan tawaran itu boleh mengumpul sekurang-kurangnya RM3 bilion hingga RM4 bilion, yang menunjukkan permodalan pasaran yang bermakna.

"Dengan senarai penyenaraian penjagaan kesihatan yang lebih luas kini muncul, kami kini percaya bahawa keterlihatan IPO ini dapat memungkinkan penarafan semula yang lebih luas merentasi sektor penjagaan kesihatan pada 2026, dengan segmen hospital kekal sebagai penerima manfaat utama, dengan syarat IPO diterima baik oleh pelabur," katanya.

Pada 2025, bilangan IPO meningkat kepada 60 berbanding 55 pada 2024, merangkumi 11 dalam Pasaran Utama, 44 Pasaran ACE dan lima Pasaran LEAP.

Namun, jumlah dana yang dikumpul adalah lebih rendah iaitu kira-kira RM6 bilion berbanding RM7.4 bilion yang dikumpulkan pada 2024.

Sementara itu, BIMB Securities Research berkata, tumpuan kepada penyenaraian yang lebih besar untuk 2026 mungkin lebih bermakna untuk kedalaman pasaran.

Ia berkata, aktiviti pasaran kekal rancak pada Januari 2026, dan prospek adalah menggalakkan disokong oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sihat dan nilai ringgit yang lebih kukuh.

Pasaran modal kena ada sekurang-kurangnya dua hingga tiga IPO yang boleh menjana bilion ringgit untuk muncul sebagai peneraju (bukan setakat aktif) IPO di ASEAN



Mohd Sedek Jantan,
Pengarah Pakar Strategi Pelaburan dan Ahli
Ekonomi Negara IPP Wealth Managers Ltd